

Lelaki nafi berulang salah guna dadah

MIRI: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menetapkan 28 November depan untuk pengurusan kes seorang lelaki yang mengaku tidak bersalah atas tuduhan terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah secara berulang.

Sehubungan itu, tertuduh diperintahkan supaya ditahan lanjut di Penjara Pusat Miri sementara menunggu tarikh tersebut.

Steward Dominic Jau, 35, dari Kampung Baru Pujut 3 RTM di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39C (1) (b) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan

tidak melebihi tujuh tahun serta sebat tidak melebihi tiga kali.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine dan pada masa sama turut mempunyai dua rekod sabitan lampau di bawah Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952, kedua-duanya bertarikh 17 Julai 2020.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 12.20 tengah malam, 9 April tahun ini di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Ihsan Jamaluddin di hadapan Hakim Azreena Aziz, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.